


Saintis sahkan vape tingkatkan risiko kanser



TIKUS yang terdedah kepada asap vape didapati mengalami sakit kronik. – Gambar hiasan



MENGHISAP vape secara berterusan boleh menjejaskan jantung dan paru-paru manusia. – Gambar hiasan

Kandungan nikotin rokok elektronik rosakkan DNA manusia, sebabkan barah paru-paru dan pundi kencing

V Kosmo 02/01/2014 MS 01

KIRA-KIRA 300,000 penghisap vape di Malaysia berdepan risiko mati lebih awal selepas sekumpulan saintis di Amerika Syarikat (AS) mendedahkan tabiat menghisap rokok elektronik itu mampu merosakkan asid deoksiribonukleik (DNA) serta menyebabkan kanser dan penyakit jantung.

Kajian para penyelidik daripada Universiti New York itu mendapati tikus yang terdedah kepada asap vape mengalami tahap kerosakan yang lebih tinggi pada jantung, paru-paru dan pundi kencing berbanding tikus yang menghirup udara bertapis.

Laporan yang disiarkan dalam jurnal *Proceedings of the National Academy of Sciences* itu juga mengesahkan sistem DNA yang melindungi tubuh daripada serangan kanser turut terganggu akibat kandungan nikotin dan nitrosamina dalam cecair vape.

Para penyelidik berkata, walaupun vape mungkin kurang berisiko berbanding rokok tembakau namun ia tetap berbahaya dan tidak boleh dianggap selamat.



PERISA vape mengandungi nikotin yang membahayakan kesihatan manusia.

“Walaupun asap rokok elektronik mengandungi tahap karsinogen lebih rendah daripada asap tembakau, penghisap vape mungkin mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat kanser paru-paru dan pundi kencing berbanding orang yang tidak merokok,” lapor kajian itu yang diketuai penyelidik Moon-shong Tang daripada Institut Kesihatan Alam Sekitar, Universiti New York.

Vape tingkatkan risiko kanser

KOSMO

02/01/2018 M/S 2

WASHINGTON – Amalan menghisap rokok elektronik atau vape mungkin meningkatkan risiko penyakit kanser kerana ia menyebabkan asid deoksiribonukleik (DNA) mengalami kerosakan, lapor satu kajian di Amerika Syarikat (AS).

Menurut jurnal *Proceedings of the National Academy of Sciences*, peningkatan risiko itu berlaku walaupun vape mengandungi karsinogen iaitu bahan menyebabkan penyakit kanser yang lebih rendah berbanding asap tembakau.

Ujian terhadap tikus makmal yang didedahkan kepada asap rokok elektronik menunjukkan tahap kerosakan DNA lebih tinggi pada jantung, paru-paru dan pundi kencing berbanding tikus yang terdedah kepada udara bertapis, kata jurnal tersebut.


Sel paru-paru dan pundi kencing manusia juga mengalami kerosakan apabila terdedah kepada bahan nikotin serta nitrosamina ketone (NNK).

Sel-sel yang terdedah akan bermutasi dan menjadi kanser.


“Justeru, walaupun asap rokok elektronik mengandungi karsinogen lebih rendah daripada asap tembakau, ia mungkin mempunyai risiko lebih tinggi berbanding orang yang tidak merokok untuk mendapat kanser paru-paru dan pundi kencing,” lapor kajian yang diketuai oleh Moon-shong Tang daripada Institut Kesihatan Alam



GOLONGAN muda tidak menyedari gejala menghisap vape boleh meningkatkan risiko menghidap kanser. – Gambar hiasan



KAJIAN di AS menunjukkan penghisap rokok elektronik akan menghidap penyakit jantung. – Gambar hiasan



PELBAGAI bentuk vape yang dijual di pasaran.

Sekitar, Universiti New York.

Menurut beberapa pakar kesihatan, lebih banyak kajian perlu dibuat bagi mengetahui risiko sebenar menghisap vape yang dilihat merupakan salah satu langkah alternatif berbanding rokok tradisional.

Felo kajian kanan Universiti St.

Andrew, Scotland, Ed Stephen menyatakan, laporan tersebut merupakan satu sumbangan bernilai terhadap kajian lapangan perubahan.

“Malangnya, tiada perbandingan secara langsung dibuat dengan asap tembakau. Sebaliknya, penulis penyelidikan itu memetik satu kajian yang menemui satu penanda utama berkaitan kerosakan genetik yang terdapat

dalam kuantiti lebih kecil (kurang 97 peratus) dalam air kencing penghisap vape berbanding perokok,” tambahnya.

“Kedua-dua kajian dan penyelidikan baru itu konsisten dengan pandangan ramai bahawa menghisap vape juga mempunyai risiko

kanser dan penyakit lain. Namun, ia dilihat lebih rendah daripada merokok,” kata Stephen.

Pengarah Unit Kajian Kebergantungan Tembakau, Universiti Queen Mary, London, Britain, Peter Hajek pula berkata, kaedah kajian tersebut tidak relevan untuk melihat kesan daripada amalan menghisap vape.

“Sel-sel manusia telah terendam dalam nikotin dan karsinogen nitrosamina yang dibeli. Tidak hairan keadaan itu menyebabkan kerosakan sel. Bagaimanapun, ia tidak mempunyai kaitan kesan rokok elektronik terhadap orang yang menghisapnya,” tambahnya.

Satu kajian komprehensif yang dikeluarkan awal bulan lalu oleh Akademi Sains Kebangsaan AS menunjukkan menghisap vape kurang berbahaya daripada merokok namun akan menyebabkan

INFO Vape

- Vape ialah rokok elektronik yang menggunakan kuasa bateri
- Dicipta pada tahun 2006 dan mengambil masa yang agak panjang untuk memasuki pasaran
- Pengguna vape akan merasa seperti menghisap rokok tanpa membakar tembakau
- Menggunakan bateri yang boleh dicas semula dapat membantu mengurangkan ketagihan terhadap rokok sebenar terutama golongan perokok tegar
- Memberikan pengalaman psikologi iaitu anda seolah-olah sedang merokok tetapi hakikatnya tidak
- Harga satu set vape serendah RM150 di Malaysia
- Terdapat kira-kira 300,000 penghisap vape di negara ini

ketagihan kepada golongan muda

Bagaimanapun, amaran mengenai kesan kesihatan sebenar akibat tabiat itu masih tidak jelas kerana trend menghisap vape masih baru.

Terdapat kira-kira 18 juta penduduk AS menghisap vape menggunakan peranti kuasa bateri yang memanaskan cecair yang mengandungi nikotin dalam rokok elektronik itu. – AFP